



## **KENYATAAN AKHBAR MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

### **ISU PERBEZAAN NAMA INSTITUSI DAN / ATAU NAMA KELAYAKAN DARIPADA YANG DIWARTAKAN DALAM JADUAL KEDUA AKTA PERUBATAN 1971 (PINDAAN 2012)**

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah mengesan beberapa buah institusi dari dalam dan luar negara yang didapati mempunyai perbezaan pada nama kelayakan dan/atau nama institusi pada skrol ijazah asas perubatan daripada yang diwartakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

Berdasarkan daripada dapatan tersebut, MPM telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan surat layak daftar dan Sijil Pendaftaran Sementara kepada graduan-graduan daripada institusi yang terlibat.

Tujuan pengesanan dan penangguhan ini dilaksanakan adalah supaya tidak berlakunya isu-isu berbangkit pada masa akan datang sekiranya pengamal perubatan ingin memohon pendaftaran dengan

MPM contohnya permohonan Pendaftaran Penuh dan Pendaftaran Pakar.

Pada masa yang sama, pihak MPM telah menulis kepada pihak Penasihat Undang-undang (PUU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyemak draf Perintah Perubatan (Jadual Kedua) supaya dapat dilaksanakan dengan segera. Maklum balas daripada PUU KKM bertarikh 14 Jun 2021 menyatakan bahawa sekiranya perbezaan pada nama kelayakan dan/atau nama institusi tersebut adalah berpunca dari kesilapan yang bersifat *editorial* dan bukan kesalahan substantif, dengan maksud ia tidak akan menjejaskan atau menyebabkan kekeliruan dalam mengenal pasti institusi dan kelayakan tersebut, maka MPM boleh melaksanakan pendaftaran di bawah Seksyen 12 Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) sementara menunggu kesilapan *editorial* tersebut dipinda dan diwartakan.

Dengan syor dari PUU KKM, MPM telah mengenalpasti 36 buah institusi (seperti di Lampiran A) yang terlibat dengan kesilapan *editorial*.

Pandangan dari PUU Kementerian Kesihatan Malaysia tersebut telah dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Penilaian (JKP 1) Bil. 6/2021 yang bersidang pada 17 Jun 2021. Sukacita dimaklumkan **mesyuarat telah bersetuju** untuk mengesyorkan kepada Mesyuarat

MPM kali ke-407 yang akan bersidang pada 22 Jun 2021 bagi **membenarkan proses Pendaftaran Sementara diteruskan serta merta kepada para graduan daripada 36 buah institusi** tersebut, seperti yang disenaraikan di Lampiran A, dan pada masa yang sama proses pembedahan dan pemertaan akan dijalankan.

Mesyuarat JKP 1 juga akan mengesyorkan kepada Majlis bahawa mana-mana pengamal perubatan daripada institusi yang tersenarai ini dan telah pun berdaftar dengan MPM sebelum pembedahan dan pemertaan dilakukan adalah **pengamal perubatan yang sah berdaftar di sisi undang-undang.**

Sehubungan dengan itu, bagi graduan-graduan daripada institusi yang disenaraikan seperti di Lampiran A boleh mengemukakan permohonan Pendaftaran Sementara bermula hari ini melalui sistem *Medical Register Information and Technical System (MeRITS)*.

Sekian, terima kasih.

**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**  
**17 Jun 2021**

## LAMPIRAN A

| BIL                           | NAMA INSTITUSI   |
|-------------------------------|--|
| <b>MALAYSIA</b>               |  |
| 1                             | INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY (IIUM)                        |
| 2                             | UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MUA'DZAM SHAH |
| 3                             | UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA                                |
| 4                             | UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA                                      |
| 5                             | TAYLOR'S UNIVERSITY  |
| <b>INDONESIA</b>              |  |
| 6                             | AIRLANGGA UNIVERSITI, SURABAYA                                 |
| 7                             | UNIVERSITAS UDAYANA DENPASAR, BALI                             |
| 8                             | UNIVERSITAS SRIWAJA PALEMBANG, SUMATERA                        |
| 9                             | UNIVERSITAS ANDALAS, PADANG                                    |
| 10                            | UNIVERSITAS BRAWIJAYA, MALANG, JAWA                            |
| 11                            | UNIVERSITAS GAJAH MADA, JOGJAKARTA                             |
| 12                            | UNIVERSITAS HASANUDDIN, SULAWESI SELATAN                       |
| 13                            | UNIVERSITAS KRISTEN KRIDA, WACANA                              |
| 14                            | UNIVERSITAS PADJADJARAN, BANDUNG                               |
| 15                            | UNIVERSITAS SUMATRA UTARA, MEDAN                               |
| <b>ARAB REPUBLIC OF EGYPT</b> |  |
| 16                            | AL-AZHAR UNIVERSITY  |
| 17                            | UNIVERSITY OF AIN SHAMS  |
| 18                            | UNIVERSITY OF CAIRO  |
| 19                            | UNIVERSITY OF MANSOURA   |
| 20                            | UNIVERSITY OF TANTA  |
| 21                            | UNIVERSITY OF ZAGAZIG  |
| 22                            | UNIVERSITY OF ALEXANDRIA                                       |
| <b>RUSIA</b>                  |  |
| 23                            | I.M.SECHENOV FIRST MOSCOW STATE MEDICAL UNIVERSITY             |
| 24                            | KURSK STATE MEDICAL UNIVERSITY                                 |
| 25                            | PRIVOLZHISKY RESEARCH MEDICAL UNIVERSITY                       |
| 26                            | N.I. PIROGOV RUSSIAN NATIONAL RESEARCH MEDICAL UNIVERSITY      |
| 27                            | VOLGOGRAD STATE MEDICAL UNIVERSITY                             |
| <b>POLAND</b>                 |  |
| 28                            | THE MEDICAL UNIVERSITY OF WARSAW                               |
| 29                            | MEDICAL UNIVERSITY OF LODZ                                     |
| <b>BANGLADESH</b>             |  |
| 30                            | UNIVERSITY OF DHAKA  |
| 31                            | UNIVERSITY OF CHITTAGONG                                       |

| <b>UNITED KINGDOM</b> |  |
|-----------------------|--|
| 32                    | UNIVERSITY OF MANCHESTER                                   |
| 33                    | UNIVERSITY OF EDINBURGH                                    |
| 34                    | CARDIFF UNIVERSITY   |
| <b>SUDAN</b>          |  |
| 35                    | UNIVERSITY OF KHARTHOUM                                    |
| <b>JORDAN</b>         |  |
| 36                    | JORDAN UNIVERSITY OF SCIENCES AND TECHNOLOGY (JUST), IRBID |